

Wawasan 2020 gagal jika pelajar terus dihasut

23 MAY 2002

Daripada Saidon Idris

SEOUL, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir berkata matlamat menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 akan gagal jika pelajar terus dihasut pihak tertentu untuk membenci kerajaan.

Perdana Menteri berkata, pelajar jika tidak diganggu dan dibiarkan belajar dengan aman bagi menguasai ilmu dan kecekapan, Malaysia bukan saja mampu menjadi negara maju menjelang 2020, malah mungkin lebih cepat lagi.

"Kalau tidak diganggu orang ini, Alhamdulillah, tak akan ada penuntut yang akan hilang panduan daripada belajar. Tetapi kita tahu ada di negara lain yang mana penuntut kita yang diganggu sepanjang masa oleh pihak tertentu hingga mereka tidak boleh belajar.

"Apa yang ada dalam diri mereka ialah perasaan kemarahan yang tidak ada arah tuju dan ada antaranya yang kembali ke tanah air dengan hasrat menggulingkan kerajaan menggunakan senjata," katanya ketika berucap pada majlis beramah mesra dengan rakyat dan pelajar Malaysia di Korea Selatan sempena lawatan rasminya ke negara itu, malam ini.

Perdana Menteri tiba di sini petang ini, selepas membuat lawatan kerja tiga hari di Jepun.

Lawatan ini akan membuka lembaran baru hubungan dua hala Malaysia-Korea Selatan, terutama dalam memperkukuhkan usaha negara dalam bidang teknologi tinggi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Perdana Menteri berkata, kerajaan menaruh harapan

tinggi kepada penuntut Malaysia, sama ada yang belajar di dalam mahupun luar negara supaya menguasai ilmu dan kecekapan tertentu untuk meneruskan usaha membangunkan negara.

"Saya harap penuntut akan berasa bertanggungjawab terhadap masa depan negara. Kalau kita sayang kepada negara kita, tidak ada cara yang lebih baik bagi menunjukkan kesayangan itu daripada menguasai ilmu dan kecekapan untuk berkhidmat kepada negara, bangsa dan agama," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau gembira kerana tidak ada pihak yang datang menghasut pelajar di Korea Selatan untuk menyemai perasaan bencikan kerajaan. Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, Malaysia kini adalah negara membangun paling maju di dunia, walaupun sebelum ia mencapai kemerdekaannya dulu, ramai yang tidak yakin, rakyat tempatan mampu mentadbirkan negara.

"Yang jelas ialah kita bukan saja mampu mentadbir negara kita dengan baik, tetapi juga membangunkannya dengan pesat.

"Walaupun mentadbir sebuah negara penduduknya terdiri pelbagai kaum, bahasa dan agama, negara kita aman dan penduduk pelbagai kaum dapat duduk dan bekerja bersama.

"Dunia sekarang mengakui Malaysia adalah satu-satunya negara yang berjaya mengadakan hubungan yang harmoni antara kaum. Ini adalah kejayaan kita yang sangat besar," katanya.

Dr Mahathir berkata, kebebasan kaum minoriti di ne-

gara ini mengamalkan agama dan budaya masing-masing turut membuktikan Malaysia jauh lebih bebas daripada negara yang mengaku diri mereka sebagai negara bebas dan liberal.

"Kita sebenarnya lebih bebas dan liberal," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar memberitahu media Malaysia lawatan Perdana Menteri bukan saja akan

memperkukuhkan hubungan dagang dan pelaburan dua hala, malah menjadi penggerak mempertingkatkan kerjasama bidang teknologi tinggi serta ICT.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucapan terima kasih negara kepada Korea dalam menjayakan Dasar Pandang Ke Timur yang memasuki tahun ke-19 dengan Korea Selatan.

Katanya, seramai 1,800 rakyat Malaysia menerima latihan di bawah dasar itu di Korea Selatan, dan berharap pada masa hadapan tumpuan akan diberikan dalam bidang teknologi tinggi dan ICT.

Syed Hamid berkata, Perdana Menteri akan melawat dan mengadakan perbincangan dengan syarikat Kia dan Hyundai serta meninjau bagaimana kedua-dua syarikat

itu boleh membantu melatih belia Malaysia dalam bidang teknologi tinggi.

Katanya dalam lawatan itu, Dr Mahathir juga akan menyentuh hak penerbangan ke sini yang kini lima penerbangan seminggu.

"Malaysia akan berusaha mendapatkan hak kebebasan penerbangan keenam bagi membolehkan Penerbangan Malaysia mendarat di bandar lain Korea Selatan.